



CAIC anjur Bengkel Penyediaan & Pembangunan Laluan Kerjaya Staf Akademik

Oleh: NOOR SYAHIDAH SABRAN

Pusat Inovasi & Daya Saing Akademik (CAIC), Universiti Malaysia Pahang (UMP) menganjurkan Bengkel Penyediaan & Pembangunan Laluan Kerjaya Staf Akademik pada 26 Julai yang lalu di UMP Pekan bagi menentukan haluan dalam kerjaya akademik staf UMP yang akan memperkasa perancangan universiti pada masa hadapan.

Pelaksanaan laluan kerjaya pelbagai trek staf akademik ini dijangka dapat dilaksanakan seawal-awalnya pada tahun 2017 nanti.

Pembangunan laluan kerjaya staf akademik ini adalah merupakan salah satu agenda di bawah Lonjakan 5 di bawah KPI 5a iaitu Memartabatkan Kecemerlangan Bakat yang terkandung dalam Pelan Strategik UMP 2016 -2020 dan juga Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia (Pendidikan Tinggi)

PPPM (PT) 2015 – 2025 di bawah Lonjakan 2 – Kecemerlangan Bakat.

Bengkel berkenaan dikendalikan oleh Pengarah CAIC, Dr. Mohd Rusllim Mohamed, Timbalan Pengarah Unit Inovasi Amalan Terbaik (UIAT) CAIC merangkap Ketua Inisiatif, Dr. Nasratun Masngut dan juga Enabler Lonjakan 5 – KPI 5 (a), Profesor Dr. Jamil Ismail dan dihadiri seramai 50 orang peserta bengkel yang telah dipilih bagi membangunkan laluan kerjaya ini.

Menurut Dr. Mohd Rusllim, dalam menjayakan program peserta bengkel telah dibahagikan kepada empat kumpulan mewakili setiap laluan kerjaya bagi membangunkan kriteria dan meletakkan pemberat iaitu laluan pengajaran (*teaching & learning track*), laluan penyelidikan (*research track*), laluan pengamal profesional

(*professional practitioner track*) dan laluan kepimpinan institusi (*institutional leadership track*).

“Penyertaan dalam bengkel ini melibatkan staf akademik pelbagai gred dan jawatan merangkumi kumpulan Pensyarah (gred DS), Guru Bahasa (gred DG) dan Pegawai Latihan Vokasional yang telah diperkasakan skimnya daripada gred J kepada gred DV,” katanya.

Sementara itu, Profesor Dr. Jamil selaku pemudah cara turut menekankan penyediaan laluan kerjaya pelbagai trek ini amat penting bagi menghargai kepelbagaian dan kebolehan setiap staf akademik.

Tambahan pula, untuk setiap kriteria, pemberat dan KPI yang dibangunkan perlulah realistik dan munasabah untuk dicapai disamping memaparkan tahap keserjanaan yang bersesuaian dengan gred dan jawatan.